



KENYATAAN MEDIA

KOMPLEKS PENYAYANG HIMPUN SEMUA PERKHIDMATAN KPWKM PERTAMA DI MALAYSIA

SRI AMAN, 13 MAC – Kompleks Penyayang Sri Aman yang menempatkan kesemua perkhidmatan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada kumpulan sasar di bawah satu bumbung adalah yang pertama ditubuhkan di Malaysia.

Konsep Kompleks yang merupakan cetusan idea Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah memulakan operasinya pada 1 Ogos 2015 dengan perbelanjaan kira-kira RM7 juta.

Beliau yang ditemui selepas merasmikan Kompleks berkenaan berkata, penubuhan kompleks ini bertujuan bagi mempertingkatkan dan memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar dalam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian.

Menurut Rohani, Kompleks Penyayang ini juga berfungsi sebagai pusat komuniti bersepadu bagi membolehkan rakyat di kawasan Sri Aman mendapat semua perkhidmatan yang diperlukan.

"Di sini penghuni menikmati hidup kekeluargaan dengan kanak-kanak akan mendapat ibu dan datuk, warga tua mendapat anak dan cucu manakala ibu unggal mendapat ibu bapa dan anak," katanya.

Tambah beliau, Kompleks ini yang dahulunya sebuah banglo yang diubahsuai mengandungi 2 blok unit bangunan dua tingkat memuatkan perkhidmatan Kementerian kepada wanita, keluarga, remaja, warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya dan masyarakat keseluruhannya.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman, Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PPWE), Pusat Aktiviti Wanita, Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), TASKA 1 Malaysia, Bilik Operasi Bencana, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), Kafe@Teen dan MamaCare.

Orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan pusat sehenti pelbagai perkhidmatan KPWKM di bawah satu bumbung ini pada setiap hari bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Orang ramai dan rakyat Sri Aman yang berminat untuk menganjurkan sebarang aktiviti berkumpulan yang merangkumi kumpulan sasar Kementerian dialu-alukan untuk datang ke sini untuk mereka menjalankan aktiviti harian dan menggunakan kemudahan yang disediakan di situ.

Turut hadir pada majlis tersebut, Datuk Francais Harden Hollis, Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar dan Perumahan Sarawak merangkap ADUN Simanggang, Hajah Simoi Haji Peri, ADUN Lingga Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Azman Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
No. telefon : 03-8323 1087
No. faks : 03-8323 2012
E-mel : info@kpwkm.gov.my